

Wadah Pembaharuan

BH


BeritaHarian

Diterbit sejak 1957

www.bharian.com.my

3 kategori kenderaan mikromobiliti diharamkan atas jalan serta-merta

Nasional 6



Konsep pengasingan kuasa antara badan eksekutif, kehakiman tak beri kekebalan penuh

Nasional 15



Russia beri amaran perang dunia ketiga boleh meletus

Dunia 40



Segera cegah bah KL

Oleh Muhammad Yusri Muzamir,
Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pelbagai pihak mendesak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Kementerian Wilayah Persekutuan membentangkan segera pelan mitigasi dan men-

cari penyelesaian kepada masalah banjir yang sering melanda ibu kota.

Mereka juga meminta penjelasan mengenai punca kekejangan banjir kilat di ibu kota walaupun peruntukan besar sudah dibelanjakan bagi pelbagai projek tebatan banjir sejak beberapa tahun lalu.

Malah, mereka berpendapat rakyat juga tidak boleh lagi menerima alasan hujan lebat luar biasa dalam tempoh singkat antara punca banjir kilat kerana mereka yang terpaksa menanggung kerugian besar akibat kerosakan kenderaan dan harta benda.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Put-

ra Malaysia (UPM), Dr Mohamad Mujaheed Hassan, berkata DBKL sepatutnya membuat kajian lapangan dengan lebih mendalam untuk mengenal pasti punca berlakunya banjir kilat yang kerap di Kuala Lumpur.

Beliau yang juga pakar perancangan bandar berkata ia perlu disusuli tindakan segera bagi

menangani isu berkenaan daripada terus berlarutan.

"Ini kerana setiap kali banjir, masyarakat hanya sering dengar 'tindakan sewajarnya akan diambil untuk menangani isu berkenaan', namun musibah sama berlaku.

Nasional 4, 5



DBKL sepatutnya bentangkan laporan hasil kajian isu banjir di ibu negara bulan ini, namun sehingga kini tiada khabar mengenainya

P. Prabakaran, Ahli Parlimen Batu

JPS sudah memulakan Program Pengurusan Banjir Kuala Lumpur termasuk pertimbangan kawasan tadahan seluas 520 kilometer persegi

Tuan Ibrahim Tuan Man, Menteri Alam Sekitar Dan Air



Polis akan panggil semua individu dalam senarai PASLeak

Oleh Safeek Affendy Razali
safeek@bh.com.my

Kuala Lumpur: Polis akan memanggil semua ahli politik yang disebut dalam satu minit mesyuarat dirujuk sebagai dokumen 'PASLeak' yang memperincikan dakwaan perancangan politik membabitkan dua pemimpin PAS.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Azmi Abu Kassim, berkata pihaknya telah memulakan siasatan terhadap kes itu.

"Polis Kontinjen Kuala Lumpur menerusi Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) akan memanggil semua ahli politik yang dinamakan dalam dokumen berkenaan bagi membantu siasatan.

"Setakat ini, apa yang boleh

saya nyatakan adalah individu yang berkaitan untuk membantu siasatan akan dipanggil dalam masa terdekat untuk dirakam keterangan," katanya ketika ditemui selepas majlis pelancaran Op Selamat 18 sempena Aidilfitri 2022 di Menara TM, di sini, semalam.

Nasional 3

Banjir kilat di ibu kota

Alam Flora rayu orang ramai bantu atasi isu sampah

Syarikat dapati sistem perparitan tersumbat punca kejadian berulang

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi dan Awatif Hasani
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: "Buanglah ke dalam tong sampah, bukan ke dalam longkang ataupun sungai" demikian rayuan syarikat konsesi Alam Flora Sdn Bhd apabila mendapati banyak sampah sarap dalam sistem perparitan sehingga tersumbat menyebabkan banjir kilat berulang di ibu kota, kelmarin.

Syarikat itu menerusi hanta-

ran di Facebook turut berharap, orang ramai bersama membantu mengurangkan masalah sampah hanyut dengan membuang sampah di tempat yang betul.

"Sayangi bandar raya kita. Bandar bersih hidup lestari," kata syarikat itu.

Terdahulu, Skuad Khas Alam Flora giat menjalankan operasi pembersihan sampah sarap yang dibawa oleh arus banjir pada waktu malam apabila keadaan jalan kurang sesak bagi memudahkan kerja.

Kelmarin, beberapa jalan utama di sekitar ibu negara ditenggelami air susulan hujan lebat berterusan kira-kira satu jam.

Antara laluan yang sesak dan dinaiki air adalah Jalan Segambut, Jalan Kuching, Jalan Pudu, Jalan Ampang, Jalan Genting Klang, Jalan Sungai Besi, Jalan Tun Razak dan Jalan Tuanku Ab-

dul Halim.

Beberapa pekerja syarikat pembersihan berkenaan ketika ditemui BH turut menghadapi kesukaran setiap kali banjir melanda ibu negara berikutan sikap penduduk yang membuang sesuka hati hingga menyebabkan aliran air dan longkang tersumbat.

Penyelia Alam Flora Sdn Bhd, K Phirunavukarasu, berkata meskipun banjir kelmarin tidak seteruk Disember lalu, namun kali ini pekerja syarikat turut berdepan lumpur yang banyak untuk dibersihkan.

"Sejak awal pagi tadi (semalam), kami terpaksa kerah tenaga kumpul sampah yang berselerak, termasuk di depan rumah penduduk yang ditinggalkan banjir," katanya ketika ditemui di Jalan Kolam Air; di sini.

"Hari ini (semalam) satu lori digunakan untuk mengutip pe-



Skuad Khas Alam Flora melakukan kerja pembersihan di kawasan perumahan Jalan Kolam Air, Jalan Ipoh, yang mengalami banjir kilat, kelmarin.
(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

rabot dan sampah lain. Itupun kebanyakan sampah jenis serpihan kayu dan tilam sahaja.

Sementara itu, beberapa penduduk taman perumahan Jalan Kolam Air terkesan dari segi emosi dan harta benda, selepas dua kali ditimpa bencana banjir dalam tempoh empat bulan.

Banjir kilat kelmarin tidak mengakibatkan kerosakan harta benda yang besar kerana hampir semua perabot dan kenderaan sudah pun dibuang, selepas diteng-

gelami banjir; hujung tahun lalu. Beberapa penduduk yang ditemui berkata, mereka sudah pernah membersihkan rumah dan membelanjakan wang simpana untuk membaiki kenderaan hingga mendatangkan kebimbangan yang mendalam setiap kali berlaku hujan lebat.

Pesara kerajaan, Kamla Pilla 32, berkata banjir kelmarin yang pertama tahun ini selepas Disember tahun lalu dan beliau tidak sempat mengalihkan barang.

PBT diminta tekan keperluan laporan EIA

Dari Muka 1

"Isu ini sepatutnya sudah ditangani sekurang-kurangnya secara berperingkat dan mula nampakkan hasil," katanya kepada BH.

Dr Mohammad Mujaheed berkata banjir kilat yang semakin kerap kini sudah menjadi kebiasaan dan 'trend' setiap kali hujan lebat.

Beliau berkata, pembangunan fizikal yang terlalu padat dengan kebanyakan permukaan bumi dilitupi atau diturap dengan konkrit simen atau jalan tar menyebabkan air hujan tidak dapat meresap ke dalam tanah dan menyebabkannya mengalir laju dan membanjiri kawasan sekitar.

"Sistem saliran yang kurang baik dan tidak diselenggara dengan baik turut menyebabkan Kuala Lumpur mudah ditenggelami air terutamanya ketika hujan lebat.

"Oleh itu, PBT perlu menekankan keperluan dan pemantauan Laporan Impak Alam Sekitar (EIA) dengan mengambil kira implikasi jangka pendek, sederhana dan panjang sebelum meluluskan sesuatu pelan pembangunan.

"Ini termasuk melihat semula sistem perparitan, saliran dan pembetulan dengan melihat ke-

pada kemampuan sistem itu menampung isi padu air hujan dalam satu-satu masa.

"Pembinaan berterusan tanpa kawalan kerana mengejar pembangunan akan memberi kesan kepada diri, sekali gus menjejaskan kesejahteraan hidup komuniti setempat," katanya.

Beliau turut mempersoalkan apa terjadi kepada cadangan DBKL untuk melaksanakan sistem amaran awal bagi memaklumkan kepada masyarakat kemungkinan berlakunya banjir kilat.

"Adakah ia sudah dilaksanakan? Jika sudah, adakah inisiatif ini berkesan? Adakah sistem amaran telah dikeluarkan semasa kejadian? Adakah sistem ini mampu mengurangkan kerosakan terutamanya kenderaan orang awam?"

"DBKL juga difahamkan sudah tetapkan syarat Perintah Pembangunan (DO) kepada pemaju supaya mematuhi keperluan penyediaan infrastruktur yang lengkap. Adakah pematuan ini sudah dilaksanakan? tanyanya.

Beliau mengulas kejadian banjir kilat di ibu kota, kelmarin yang menyebabkan ratusan kenderaan

dan harta awam rosak. Ini kali keempat dalam tempoh lima bulan Kuala Lumpur dilanda banjir.

Pengerusi Save KL Coalition (SKL), Datuk M Ali berkata kerajaan dan DBKL perlu mendedahkan kepada rakyat mengenai pelan mitigasi banjir yang sebelum ini didakwa sedang dilaksanakan sejak tahun 2020.

"Kami penduduk ibu negara sehingga ke hari ini ternyata mengenai perancangan mitigasi itu kerana banjir kilat yang semakin buruk setiap kali hujan lebat.

"Hanya sekali DBKL mendedahkan butiran pelan itu,

pada 2020 ketika membentangkannya di Lake Garden (Taman Tasek). Kami dimaklumkan mengenai projek mitigasi 'underground' (bawah tanah) ketika itu, namun sehingga kini tiada perkembangan mengenainya.

"Apabila berlaku banjir, kami penduduk Kuala Lumpur tertanya apa perkembangan projek itu, adakah ia sudah siap atau terhenti. Sekiranya sudah siap kenapa banjir masih berlaku?" katanya kepada BH.



Mohammad Mujaheed

Beliau berkata, rakyat sudah bosan dengan pelbagai alasan yang diberikan apabila banjir berlaku kerana tiada penyelesaian yang konkrit daripada kerajaan.

Ahli Parlimen Batu, P Prabakaran turut menggesa kerajaan segera membentangkan pelan mitigasi banjir untuk ibu kota.

"Januari lalu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad menyatakan negara masih belum ada Akta Pengurusan Bencana dan kerajaan sedang mempercepatkan penggubalan akta itu, namun sehingga kini tidak tahu hasilnya. Berapa lama masa diperlukan diambil untuk mengkaji isu banjir ini," katanya.

Prabakaran turut mempersoalkan kelewatan DBKL dan Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) membentangkan hasil siasatan mereka isu banjir kilat di ibu negara seperti diumumkan sebelum ini.

"DBKL menubuhkan Pasukan Petugas Khas Banjir Kilat dan meluluskan dana bernilai RM25 juta bagi menyelesaikan isu banjir kilat di Kuala Lumpur dan dilaporkan akan dibentangkan bulan ini, namun sehingga sekarang tiada khabar berita mengenainya," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Kepong, Lim Lip Eng turut me-

mintakan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahida Kassim dan Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man memperjelaskan kegagalan mencegah banjir kilat di ibu negara.

"Banjir kilat beberapa kali sejak Disember tahun lalu menimbulkan kebimbangan dalam kalangan warga Kuala Lumpur, namun sehingga kini tiada penjasan berhubung punca kekerapan kejadian banjir kilat di ibu kota dikemukakan pihak berkuasa walaupun peruntukan besar sudah dibelanjakan bagi pelbagai projek tebatan banjir.

"Kedua-dua menteri perlu mendedahkan kepada masyarakat sama ada sebarang penilaian kesihatan sekitar menyeluruh di Lebuhraya Klang sudah dijalankan atau sebaliknya.

"Ini kerana, warga Kuala Lumpur amat terkesan setiap kali hujan lebat kurang setengah jam. Kereta mereka perlu dibaiki, rumah perlu dibersihkan sehingga mengakibatkan kerugian hartanah bernilai jutaan ringgit.

"Pembinaan terlalu banyak bangunan pencakar langit jika tidak dikawal akan memburukkan lagi keadaan. Hujan lebat tidak boleh dijadikan sebagai alasan kerana ia bukanlah suatu bencana alam," katanya.

Banjir kilat di ibu kota

JPS laksanakan projek atasi banjir

Pertimbang lokasi tadahan air seluas 520 kilometer persegi, elak bah di Kuala Lumpur

Oleh Saadiah Ismail, Irwan Shafrihan Ismail dan Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang menyiapkan Program Pengurusan Banjir Kuala Lumpur (PPBK) bagi mengatasi masalah banjir di ibu kota.

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man, berkata projek berkenaan yang dimulakan sejak beberapa Rancangan Malaysia terdahulu dilaksanakan dalam empat fasa utama berikutan kos keseluruhan yang terlalu tinggi.

Beliau berkata, JPS sudah mempertimbangkan kawasan tadahan seluas 520 kilometer persegi iaitu kawasan tadahan bagi sungai yang menyumbangkan aliran ke Kuala Lumpur.

"Fasa pertama ialah pembinaan projek Terowong Jalan Raya dan Pengurusan Air Banjir (SMART)," katanya dalam ciapan di Twitter, semalam.

Selain itu beliau berkata, banjir kilat yang kerap berlaku di ibu kota kerana hujan terlalu lebat dalam tempoh kurang enam jam

menyebabkan sistem saliran sedia ada tidak dapat menampung aliran air di permukaan tinggi.

Kelmarin, beberapa jalan utama di sekitar ibu negara ditenggelami air susulan hujan lebat yang berterusan selama sekitar satu jam.

Antara laluan yang dikesan sesak dan mengalami peningkatan air adalah di Jalan Segambut, Jalan Kuching, Jalan Pudu, Jalan Ampang, Jalan Genting Klang, Jalan Sungai Besi, Jalan Tun Razak dan Jalan Tuanku Abdul Halim.

Situasi itu mengakibatkan berlaku kesesakan teruk kerana berlaku di waktu puncak iaitu ketika orang ramai pulang dari tempat kerja.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Azmi Abdul

Hamid, berkata hujan terlalu lebat hampir dua kali ganda berbanding jumlah biasa dalam tempoh kira-kira satu jam menjadi antara punca beberapa jalan utama di sekitar ibu negara ditenggelami air, petang kelmarin.

Katanya, berdasarkan data hujan kumulatif oleh JPS, ibu kota menerima antara 100 milimeter (mm) sehingga 120 mm hujan kelmarin, berbanding 60 mm hujan pada kebiasaannya.

Beliau berkata, ia juga sekali gus menyebabkan tiga daripada empat sungai utama berada pada paras amaran iaitu Sungai Gombak berhampiran Jalan Parlimen, Sungai Klang berhampiran Jalan Tun Perak dan Sungai



Keadaan di Jalan Sultan Azlan Shah yang dinaiki air selepas hujan lebat di sekitar ibu kota, kelmarin. (Foto BERNAMA)

Klang berhampiran Lebuh Pasir.

"Walaupun ketika itu semua pam air berfungsi dengan baik, tetapi disebabkan paras air sungai tinggi menyebabkan air tidak boleh bergerak.

"Bagaimanapun, apabila air sungai mulai surut kira-kira 40 minit kemudian, air di jalan dan longkang dapat masuk semula ke sungai," katanya kepada BH semalam.

Azmi berkata, susulan kejadian itu pihaknya sudah mengambil tindakan awal dengan mengerahkan pasukan DBKL ke kawasan terkesan bagi melihat keadaan pam air.

Katanya, pemeriksaan mendapati semua pam berfungsi dengan baik kecuali beberapa pam seperti di Dataran Merdeka yang tersumbat akibat daun kering dan sampah.

"Bagaimanapun, selepas diberishkan pam itu kembali dapat salurkan air seperti biasa dengan

hanya mengambil tempoh singkat sebelum jalan kembali seperti biasa," katanya.

Beliau berkata, tindakan seterusnya yang diambil adalah mengawal lalu lintas berikutan keadaan ketika itu pada waktu puncak.

"Penguat kuasa DBKL dengan kerjasama polis berusaha mengawal lalu lintas, terutama di persimpangan jalan utama bagi memastikan kelancaran trafik ketika keadaan air bertakung.

"Bagaimanapun, keadaan jalan kembali pulih semula kira-kira jam 6.30 petang.

"Tindakan akhir pada waktu malam disusuli dengan kerja pembersihan jalan di kawasan yang terkesan oleh DBKL dan Alam Flora," katanya.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Md Nasir Md Noh, pula berkata hujan lebat lebih dua jam di ibu negara menyebabkan sistem perparitan termasuk saliran jalan

raya tidak dapat menampung kapasiti aliran air tinggi dan aliran balik disebabkan aras sungai yang tinggi.

"Aras air Sungai Gombak di Stesen Jalan Tun Razak dan Sungai Batu di Sentul dilaporkan melepasi aras bahaya iaitu masing-masing 32.45 meter dan 34.03 meter.

"Banjir kilat menyebabkan kesesakan lalu lintas dan kerosakan beberapa kenderaan yang terperangkap di jalan-jalan utama.

"Dianggarkan lebih 50 buah rumah di Jalan Kassipalay, Jalan Batu Bata, Segambut Bahagia dan Segambut Dalam telah dimasuki air dengan kedalaman sehingga 0.3 meter," katanya dalam kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, Md Nasir berkata, semua infrastruktur sistem kawalan banjir di bawah JPS Wilayah Persekutuan beroperasi dengan baik mengikut prosedur operasi standard (SOP).

Kerajaan diminta beri bantuan RM1,000

Kuala Lumpur: Ahli Parlimen Segambut, Hannah Yeoh meminta kerajaan meluluskan bantuan tunai sekurang-kurangnya sebanyak RM1,000 kepada semua mangsa banjir kilat di ibu kota kelmarin yang mengalami kerugian harta benda.

"Memandangkan Hari Raya semakin dekat dan persiapan menyambut perayaan ini terjejas dengan teruk, saya menggesa Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan segera meluluskan bantuan sumbangan tunai sekurang-kurangnya RM1,000 bagi mereka yang terkesan," katanya.

Yeoh berkata, hasil tinjauannya di kawasan terjejas menunjukkan kerosakan harta benda yang teruk. Banyak rumah di-

naiki air sedalam dua kaki dan ramai penduduk terpaksa membuang tilam dan perabot rumah. Terdapat juga pelajar yang mengalami kerosakan buku dan beg sekolah. Kenderaan juga rosak akibat ditenggelami air.

"Keperluan mencari penyelesaian kepada masalah banjir di Kuala Lumpur semakin kritikal. Setiap kali ia berlaku, kerosakan harta benda dianggarkan berjuta-juta.

"Alasan taburan hujan tinggi sudah tidak boleh diguna pakai jika modus operandi kerajaan masih tidak berubah. Ini sudah tahap bencana setiap kali ia hujan di Kuala Lumpur," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam ciapan di Twitter, Yeoh yang juga Penolong Setiausaha

Publisiti Kebangsaan DAP memaparkan beberapa gambar tinjauan mangsa banjir di Kolam Air di sini.

"Jam 11.30pm (malam) selesai melawat beberapa mangsa banjir di Kolam Air #Segambut. Tak sampai empat bulan, rumah di sini dilanda banjir sekali lagi. Ada rumah yang penuh dengan air lumpur," katanya.

Dalam ciapan berasingan, beliau memaklumkan, sembilan lokasi di Segambut terjejas kejadian banjir kilat, antaranya Kampung Masjid Segambut dan Kampung Segambut Luar.

"Banjir kilat dilaporkan di banyak lokasi di #Segambut. Saya ucapkan terima kasih kepada Balai Polis Jinjang, Sentul dan Sri Hartamas yang sudah bersiap se-

dia dengan bot, namun tidak boleh digunakan kerana paras air paras betis. Apapun TQ @PDRMsia gerak cepat ke lokasi," katanya.

Petang kelmarin, Kuala Lumpur dilanda banjir kilat susulan hujan lebat yang berterusan sejak jam 3.30 petang, menyebabkan banyak laluan utama di sekitar ibu negara ditenggelami air.

Antara laluan itu adalah Jalan Segambut, Jalan Kuching, Jalan Pudu, Jalan Ampang, Jalan Genting Klang, Jalan Sungai Besi, Jalan Tun Razak dan Jalan Tuanku Abdul Halim.

Turut dilaporkan ditenggelami air adalah Jalan Semantan, Jalan Kinabalu, Jalan Changkat Thami Dollah dan Lebuhraya Sultan Iskandar.

Keperluan mencari penyelesaian kepada masalah banjir di Kuala Lumpur semakin kritikal. Setiap kali ia berlaku, kerosakan harta benda dianggarkan berjuta-juta

Hannah Yeoh, Ahli Parlimen Segambut



BANJIR kilat di Ibu kota bukan pertama kali berlaku. Setiap kali hujan lebat, beberapa kawasan di Ibu kota terutama di Lorong Maarof, Bukit Bandaraya di sini pasti dilanda banjir kilat. Menerusi Apa Khabar Rakyat minggu ini, ikuti laporan wartawan *Sinar Harian*, MUHAMMAD YUSAINI MOHAMAD YUNUS menyinari luahan penduduk yang berharap banjir kilat di kawasan tersebut dialasi dengan segera.

'Sistem perparitan tidak diselenggara dengan betul'

Penduduk dakwa banjir kilat di Lorong Maarof, Bukit Bandaraya Kuala Lumpur berlaku akibat limpahan kolam takungan

KUALA LUMPUR

Saban tahun, banjir kilat berlaku akibat limpahan air dari kolam takungan banjir di Lorong Maarof, Bukit Bandaraya di sini sehingga mengakibatkan kerosakan harta benda awam seperti jalan raya dan tong sampah awam.

Bencana itu turut meninggalkan longgokan sampah akibat daripada banjir tersebut.

Salah seorang penduduk, Adnan Ismail, 62, berkata, banjir kilat yang berlaku pada Isnin adalah yang paling teruk berbanding sebelum ini.

Jelasnya, banjir yang berlaku sebelum ini tidak masuk ke kawasan pekarangan rumah.



ADNAN ISMAIL



NURHIDA



IRFAN NAUFAL

"Saya duduk sini sudah 35 tahun dan memang kalau hujan lebat teruk memang akan banjir tetapi sejak akhir-akhir ini semakin menjadi-jadi.

"Kalau sebelum ini air naik tetapi tidak sampai dalam rumah, tetapi semalam (Isnin) paling teruk melimpah.

"Ini disebabkan kolam takungan itu sudah penuh dan tidak mampu menampung jumlah air lagi disebabkan hujan yang lebat.

"Tidak sampai sejam sahaja, air sudah naik, mengalir dari atas (kolam takungan) sehingga kawasan perumahan bawah yang memang teruk lah kena banjir," katanya kepada *Sinar Harian*.

Dalam pada itu, guru, Nurhida Affandi, 55, pula berkata, masalah banjir kilat yang semakin teruk berlaku di kawasan ini akibat daripada pertambahan pembangunan perumahan di kawasan tersebut.

Ujarnya, sistem perparitan yang tidak diselenggarakan de-

ngan betul menyebabkan limpahan daripada kolam takungan itu tidak mampu menahan air dan menyebabkan banjir berlaku dengan cepat.

"Dekat sini banyak sangat pembangunan, sistem perparitan tidak betul menyebabkan banjir kilat berlaku teruk semalam (Isnin) sejak 26 tahun duduk di sini.

"Saya baru balik kerja, duduk dekat rumah sekitar jam 3 petang, hujan lebat sangat, dalam jam 4 air dah naik sampai depan rumah. Laju sangat air naik. Sampaikan pasu-pasu bunga yang plastik, tong sampah depan rumah, banjir itu tolak. Teruk lah banjir kilat kali ini," katanya.

Selenggara

Pekerja swasta, Irfan Naufal Ridzuan, 26, pula berkata, pihak berwajib iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu selenggara selalu dan menilai keadaan di kolam takungan itu sekiranya hujan turun dengan



Keadaan banjir kilat di Lorong Maarof, Bukit Bandaraya Kuala Lumpur pada Isnin.

lebatnya.

"Banjir kali ini sebabkan longkang di sini kecil. Jadi nak menampung limpahan daripada kolam takungan itu tidak mampu. Semalam (Isnin) pun longkang dah tersumbat dengan ranting dan daun akibat banjir.

"PBT perlu besarkan longkang dan pantau secara berkala sistem perparitan di sini, sebab

daun-daun dengan kayu di kawasan ini akibat pembangunan dan pembinaan di sini malah pernah menyebabkan berlakunya tanah runtuh kecil.

"Mereka (DBKL) perlu turun padang tinjau tapak-tapak projek pembinaan ini sebab mereka ini yang menyumbang kepada siri banjir kilat yang berlaku di sini," jelasnya.

DBKL perlu tambah baik saluran longkang elak banjir kilat

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu sentiasa menilai, membersihkan dan menambah baik semua saluran dan longkang yang berdekatan dengan kolam takungan banjir bagi mengelakkan bencana itu berulang lagi.

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil berkata, banjir kilat di Kuala Lumpur bukan pertama kali berlaku tetapi kerap kali berlaku sekiranya hujan lebat yang berterusan.

Menurutnya, DBKL perlu melakukan pemeriksaan terhadap tapak-tapak projek untuk semak keupayaan sistem perangkap kelodak (*siltation*) bagi mengelakkan tersumbat.

"Mereka perlu memastikan pe-

maju mengambil tanggungjawab sosial terhadap rumah-rumah dalam lingkungan 300 hingga 500 meter bergantung kepada kontur tanah.

"Contoh jika projek berada di tapak yang lebih tinggi, maka ia perlu bertanggungjawab terhadap rumah-rumah berhampiran yang berada pada paras lebih rendah," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Pada Isnin, hujan lebat sekitar Kuala Lumpur pada petang telah mengakibatkan banjir kilat di beberapa lokasi, antaranya Jalan Semantan, Jalan Parlimen dan Jalan Kuching.



FAHMI

Selain itu, banjir kilat turut berlaku di Jalan Changkat Thambi Dollah, Travers dan di sekitar kawasan berhampiran Menara DBKL.

Dalam pada itu, Fahmi turut mencadangkan supaya mewujudkan sistem amaran bencana dan kejadian banjir kilat berdasarkan lokaliti dengan kerjasama syarikat-syarikat telekomunikasi.

"Ini supaya semua pengguna perkhidmatan telekomunikasi di satu lokaliti yang terkena banjir kilat, tanah runtuh dan bencana lain akan dapat amaran," ujarnya.

Mengulas punca longgokan sampah

akibat banjir kilat itu, Fahmi berkata, ia disebabkan sampah berkenaan hanyut akibat air banjir atau daripada saluran dan longkang di sekitar kawasan itu.

"Oleh itu, cara terbaik ialah untuk pastikan pihak berwajib mengambil tindakan awal memantau saluran bagi mengenal pasti longgokan dan halangan yang perlu dialihkan.

"Penduduk juga perlu memainkan peranan dengan memastikan kita semua jaga alam sekitar dan tidak membuang sampah merata-rata atau di dalam longkang begitu sahaja.

"Semua sampah akan tersangkut dan terkumpul di satu lokasi yang akhirnya mendatangkan kesusahan kepada kita semua," jelas beliau.



A volunteer cleaning up Our Lady of Fatima Church in Brickfields after Monday's floods. — MUHAMAD SHAHRIL ROSLI/The Star



The scene at Jalan Parlimen, Kuala Lumpur, after heavy rain on Monday. — Photo courtesy of Itis DBKL's Facebook page

By SHALINI RAVINDRAN and DARISHINI PRIYAA DEVADAS
metro@thestar.com.my

RESIDENTS and shop owners in Brickfields were busy cleaning up and tallying their losses after Monday's floods in the city.

Fashion and accessory shop owner Uthya Kumar Alnyanasilan, 35, urged **Kuala Lumpur City Hall (DBKL)** to be proactive in resolving the matter.

"Water from Sungai Klang overflowed and reached knee-level in my shop."

"I have lost almost all my new stock which cost me about RM30,000."

"This flood is an added burden as my business has yet to recover from the Covid-19 pandemic," he said, adding that he had recently lost his job as an IT trainer.

The floods also caused water to enter the compound of several schools as well as Our Lady of Fatima Church at the end of Jalan Sultan Abdul Samad.

Volunteer Santhana Rengan, 54, who was busy cleaning the church, said this was the third incident

Counting cost of another flash flood

Brickfields stakeholders want DBKL to be proactive to prevent future incidents

since December.

"The kneelers (at the pew), which we had just replaced after the December floods, were damaged again."

"The drains are filled with debris and rubbish and need to be cleared frequently," he said.

Brickfields Rukun Tetangga chairman SKK Naidu said flood pumps should be checked to ensure they are fully functioning to reduce the floods' severity.

He said DBKL must address surface runoff, especially with so many development projects in

the vicinity.

"There are at least five high-density projects being built here."

"Yet the drainage is not upgraded or expanded to accommodate the increased runoff."

"Unless this is looked into, KL will always have flash floods," he added.

In a media statement, DBKL revealed that 11 areas in Kuala Lumpur were flooded.

"Water receded within an hour. The water pumps were found to be working well," said the statement.

Among the areas affected were

Jalan Travers, Jalan Sultan Abdul Halim, Jalan Kuching, Jalan Semantan, Segambut bypass and Jalan Segambut.

Also inundated were Jalan Kinabalu (Bulatan Merdeka), Jalan Changkat Thambi Dollah, Sultan Iskandar Highway, Bulatan Dato Onn and Jalan Melaka.

Public Cleansing Corporation (SWCorp) Federal Territories director Ummi Kalthum Shuib said, clean-up works were ongoing.

"We are clearing debris and drains so that water can drain out effectively."

She urged the public not to dump rubbish indiscriminately as their actions could be a contributing factor to the floods.

Several Kuala Lumpur MPs also took the authorities to task for the recent floods.

Batu MP P. Prabakaran said DBKL should reveal its flood mitigation plans.

"In February, DBKL announced that it had set up a flood task force and approved a fund of RM25mil."

"This plan was supposed to be presented this month but there has been nothing until now."

Kepong MP Lim Lip Eng said a downpour should not lead to flash floods.

He also said that the relevant ministers should explain why flood mitigation projects in the city had not been successful.

Segambut MP Hannah Yeoh urged the government to provide a cash aid of RM1,000 to flood victims.

"With Hari Raya only a week away, residents' festival preparations have been affected as their homes were inundated," she said in a statement.

By VIJENTHI NAIR
vijenthi@thestar.com.my

SIX stray dogs and a cat caught near sites of reported animal attacks have been sent to the Veterinary Services Department for tests as a precautionary measure.

They were caught in the vicinity where two cases of dog bites and two cases of cat scratches were reported by Petaling Health Office as of April 15.

The action was taken because of a confirmed death due to rabies in the Petaling district on March 10,

Seven strays caught in Petaling district tested for rabies, says PJ mayor

said Petaling Jaya mayor Mohamad Azhan Md Amir during the Petaling Jaya City Council (MBPJ) full board meeting yesterday.

He said the city council was educating the public about the danger of rabies, including its symptoms.

On April 24, Selangor Health director Datuk Dr Sha'ari

Ngadiman confirmed the second rabies case in the state, an 85-year-old man from Pulau Carey who is being treated in Klang.

On dengue, Mohamad Azhan said there were 91 cases reported between April 10 and 16, a 16% increase from the previous week, which recorded 78 cases.

He also said MBPJ staff who had been using on-street parking lots would be asked to park at its headquarters as well as at Kompleks A and Kompleks C multi-storey car-parks to free up on-street bays in Section 52.

He said the commercial centre, known as Petaling Jaya New Town

or PJ State, had insufficient on-street parking space.

On Ramadan bazaars, the mayor said 217,664 visitors had been recorded at 18 bazaars in the city as of April 20, with the three busiest being SS6/1, Kelana Jaya; Section 4, Kota Damansara and Apartment Vista, Damansara Damai.

The number of visitors was up by 40% compared with last year.

A total of 5,315 traders were inspected and 70 compounds and 116 notices were issued for a range of offences.

Bus operator sees no 'balik kampung' rush yet

PENANG

HARI Raya Aidilfitri is just days away but plenty of bus tickets are still available in Penang with no signs of a *balik kampung* rush yet.

GJG Express managing director S. Ganesan said his company operated six trips from Penang to Kuala Lumpur daily.

"Before Covid-19, we would have up to eight buses daily to Kuala Lumpur and they would be full during Hari Raya."

"Just a week ago, our buses were less than half full."

"We are not making a profit but the buses still need to be on the road."

Ganesan believes the poor response could be due to more families preferring to travel in their

"Just a week ago, our buses were less than half full."

S. Ganesan

own vehicles.

"However, it is tiring to drive long distances in heavy traffic. Our buses are ready to provide passengers with a safe journey," he said when contacted by *StarMetro*.

A visit to Sungai Nibong Express Bus Terminal found it to be quiet with only a few customers around. Penang Traffic Enforcement and

Investigation Department head Supt Zafri Zokapli said police were expecting heavier traffic during the upcoming festive season.

"Our traffic response units will be mobilised to handle any congestion."

"No personnel in the traffic department will be allowed to take leave during Hari Raya," he said.

— By LO TERN CHERN



Very few people seen purchasing tickets at the express bus counter at Sungai Nibong Express Bus Terminal. — LIM BENG TATT/The Star